

Kursus Hifz al-Quran atas Talian UPMN: Cabaran dan Penyelesaian

Elmi Baharuddin*, Amnah Saayah Ismail, Nor Nazimi Mohd Mustaffa,
Mohamad Muntaha Saleh, Daud Mohamed Salleh

¹Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

*elmi@upnm.edu.my

Abstract

Kursus Hifz al-Quran merupakan kursus penting dalam hafazan al-Quran. Sistem hafazan al-Quran secara tradisional diajar dan disampaikan secara bersemuka antara guru dan pelajar. Namun semasa pandemik berlaku, kebanyakan kaedah pengajaran hifz al-Quran dijalankan secara atas talian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran dan halangan kuliah hifz al-Quran secara atas talian. Kajian kes ini melibatkan 19 peserta dalam kalangan pelajar UPMN dari pelbagai latar belakang. Para peserta telah ditemu bual dan maklum balas mereka direkodkan menggunakan Microsoft Teams. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar keseluruhan cabaran utama dalam pengajaran hifz al-Quran adalah masalah mendisiplinkan diri untuk membaca dan menghafaz al-Quran secara atas talian. Selain itu, suasana dan persekitaran juga memainkan peranan penting membantu pelajar dalam menghafaz al-Quran dengan lebih baik. Antara cadangan penambahbaikan adalah dengan memperkemas lagi halatuju dan matlamat pelajar agar terus menghafaz dengan penuh tanggungjawab demi keluarga dan masa depan yang gemilang

Keywords: Hifz Quran atas talian; Pengajian Islam; Cabaran dan Penyelesaian

1. Pengenalan

Hifz al-Quran merupakan subjek hafazan bersilibus yang ditawarkan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia bagi program Diploma Tahfiz dan Tafsir bermula Jun 2021. Subjek Hifz al-Quran terdiri dari Hifz Quran I, II, III, IV dan V yang menjadi subjek wajib kepada mahasiswa yang mengambil Diploma Tahfiz dan Tafsir. Namun, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan kursus ini diajar secara atas talian. Maka pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian berhadapan dengan cabaran dan norma baharu. Justeru, penularan wabak COVID-19 merupakan krisis global yang bukan sahaja menyebabkan pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka tertangguh, bahkan menjadikan tanggungjawab dan peranan pensyarah begitu mencabar dengan menjalankan kelas atas talian. Cabaran yang dihadapi pensyarah apabila mereka perlu menyesuaikan diri dengan norma kehidupan dan amalan baharu yang memerlukan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara atas talian. Maka situasi tersebut turut memberi cabaran yang besar terhadap kursus Hifz al-Quran secara atas talian. Maka kajian ini dijalankan melihat permasalahan dan penyelesaian secara tuntas dapat dilaksanakan.

2. Amalan Pembelajaran Hafazan al-Quran

Proses pembelajaran hafazan al-Quran memerlukan pensyarah mendengar bacaan pelajar secara bersemuka secara kebiasaan. Untuk memperakui pelajar telah menghafaz ayat al-Quran adalah dengan cara memperdengarkan bacaan dihadapan pensyarah yang dipanggil *tasmik*. Perkataan *tasmik* diambil dari bahasa Arab yang bermaksud mendengar. Kaedah ini digunakan untuk menguji tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan bacaan dan hafazan al-Quran (Yanti 2017). Kaedah tasmik sesuai kerana pensyarah

dapat membimbing pelajar agar meneruskan hafazan lebih baik dan catatan dilakukan dilakukan untuk mengukur tahap pencapaian pelajar (Hafiz & Nursafazilah 2016). Untuk menentukan pelajar menguasai tajwid, guru boleh menyoal pelajar tentang hukum bacaan atau hukum tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan (Anisa 2014). Tasmik dengan bersemuka dapat memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan serta dapat mendisiplinkan pelajar dengan cara yang berkesan (Abdul Hafiz & Nursafazilah 2016). Kaedah tasmik sangat sesuai diaplikasikan kepada semua peringkat dari kanak-kanak hinggalah orang dewasa kerana guru dapat mengesan dengan cepat penguasaan pelajar terhadap ayat bacaan yang diajar (Nor Musliza dan Mokmin 2014).

Selain itu, menghafaz al-Quran memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak terutamanya pelajar, guru dan pihak pentadbir. Pelajar mestilah melengkapkan diri dengan azam yang kuat, halatuju yang jelas, kesungguhan yang mendalam, sabar semasa menghafaz dan disiplin dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pedagogi hafazan al-Quran (Abd Rahman Abd Ghani 2016). Di samping itu guru tahfiz juga perlu memberi nasihat kepada pelajar dan memberi tumpuan yang lebih untuk membantu pelajar yang mengalami masalah untuk mengingat al-Quran. Ini juga menunjukkan bahawa peranan guru yang bertanggungjawab bukan melaksanakan tasmik semata-mata tetapi berusaha mencari jalan yang terbaik untuk membantu pelajar menguasai hafazan al-Quran mereka agar tidak lupa sampai bila-bila (Mahmud Lutfi & Ahmad Shahir 2015).

Kaedah *tasmik* amat diperlukan dalam hafazan al-Quran kerana pelajar tidak mampu mengesahkan hafazan mereka sendiri. Isu permasalahan membaca al-Quran yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan bacaan secara tadwir dan tartil dalam kalangan pelajar berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi (Ashraf Ismail et al, (2020). Menurut Nor Musliza dan Mokmin (2014) menjelaskan terdapat beberapa teknik hafazan al-Quran iaitu *Talaqqi, Musyafahah, Takrar, Tadarus, Semaan, Tasmik, Tarkiz, Tarsikh, Tafaqqud* dan *Murajaah*, kefahaman dan penulisan. Justeru, ayat al-Quran perlu disahkan melalui *tasmik*. *Tasmik* amat penting dalam hafazan al-Quran (Aznil et al, 2014).

Antara peraturan ketat yang perlu dipatuhi oleh pelajar ketika *tasmik* iaitu pelajar perlu mendengarkan hafazan mereka tanpa melihat mashaf dan guru pula yang mengesahkan hafazan pelajar ini dalam kalangan mereka yang menghafaz al-Quran (Abdul Hafiz & Norhanan 2009). Hafazan pelajar dikira tidak diiktiraf jika *tasmik* dilakukan oleh guru yang bukan *hafiz* dan pelajar yang hanya ingat atau menghafaz secara sendirian tanpa *tasmik* dengan guru tidak layak digelar *al-Hafiz* (Aznil, Ab. Halim & Misnan 2013). Hal ini penting guru mengenal pasti secara tahap kefahaman berkaitan dengan hukum hukum tajwid dalam hafazan Al-Quran yang meliputi makhraj huruf, sifat-sifat huruf dan lain-lain hukum tajwid (Khairil Anuar Mohamad 2016).

Terdapat banyak kajian menunjukkan tidak semua ilmu yang disampaikan secara atas talian berkesan (Zetty 2020). Antara cabaran atas talian iaitu ada pelajar yang tidak mempunyai gajet atau telefon pintar peribadi, ada yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada pula yang tidak mempunyai capaian internet langsung. Manakala bagi guru pula, wujud kesangsian platform manakah yang sesuai untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian dan kebanyakannya menggunakan kaedah cuba jaya, iaitu menggunakan mana-mana platform dan lihat kepada kesesuaian (Roslina 2020). Sedangkan *tasmik* hafazan pelajar tidak dibenarkan melihat mushaf al-Quran dan tidak dapat dipastikan kerana ia bergantung kepada kejujuran individu pelajar yang memerlukan proses *tasmik* dilakukan secara bersemuka (Norhidayati 2020). Selain itu, kebolehcapaian internet menjadi salah satu perkara penting dalam mengendalikan kelas atas talian terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat liputan internet (Roslinda 2020).

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini menggunakan metod kualitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan temubual berstruktur kepada 18 orang peserta kajian Diploma Tahfiz dan Tafsir UPM. Soalan temubual dibahagikan kepada tiga soalan utama iaitu latarbelakang, cabaran dan cadangan penyelesaian pengajaran kursus hifz al-Quran atas talian. Kajian ini mencari permasalahan dan cabaran menghafaz al-Quran ketika atas talian. Selain itu, mengenalpasti punca permasalahan yang dihadapi oleh peserta kajian pelajar tahfiz ini dalam menghabiskan silibus hafazan bagi setiap semester. Peserta kajian diminta untuk menjawab soalan-soalan yang disediakan secara temubual berstruktur yang berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mengikuti kelas hafazan masing-masing. Soalan pertama tentang latarbelakang responden. Soalan kedua sebab utama menghafaz al-Quran dan soalan ketiga berkaitan dengan cabaran utama menghafaz al-Quran atas talian. Proses penganalisan data-data kualitatif

ini menggunakan analisis deskriptif secara tematik iaitu dengan meletakkan tema-tema tertentu dengan kod yang berkaitan.

4. Perbincangan Hasil Kajian

Demografi peserta kajian terdiri daripada pelajar Diploma Tahfiz dan Tafsir dari Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan dan Pengajian Islam, Fakulti pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang terletak di Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur. Seramai 18 orang peserta kajian yang berumur dari 19 tahun hingga 21 tahun ditemu bual. Peserta kajian berasal dari pelbagai Negeri dengan majoriti berlatarbelakangkan pendapatan keluarga RM1500.00 hingga RM4000.00. Selain itu, majoriti pelajar ini berlatarbelakangkan sekolah menengah tahfiz al-Quran dan majoriti pernah menghafaz 30 Juz semasa sekolah. Jadual 4.1 merupakan data lengkap demografi sosial peserta kajian pelajar tahfiz dan tafsir UPMN seperti berikut:

Jadual 4.1 Demografi sosial peserta kajian Hifz al-Quran

Bil Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
1. Umur	18 Tahun	1	5.5
	19 Tahun	11	60.5
	20 Tahun	4	22
	21 Tahun	2	11
2. Asal	Kelantan	5	27.5
	Johor	4	22
	Perak	2	11
	Melaka	1	5.5
	Sabah	1	5.5
	Selangor	2	11
	Kedah	2	11
	P. Pinang	1	5.5
3. Pendapatan Isi Rumah	Bawah RM1500	1	5.5
	RM1501- RM4000	11	60.5
	RM4001-RM8000	2	11
	Lebih RM8001 ke atas	4	22
4. Latarbelakang Sekolah Menengah	Sekolah Menengah Kebangsaan	2	11
	Sekolah Menengah Agama Rakyat	2	11
	Sekolah Menengah Tahfiz al-Quran	9	49.5
	Sekolah Menengah Agama Bersasrama Penuh	5	27.5
5. Pernah Menghafaz al-Quran	Tidak Pernah	2	11
	5 Juz	2	11
	15 Juz	4	22
	30 Juz	10	55
Kajian 2022		18	100

Hasil kajian ini juga telah mendapati 6 sebab utama Peserta Kajian (PK) menghafaz al-Quran. Elemen ini sangat penting mempengaruhi tahap hafazan peserta kajian dalam menghafaz al-Quran atas talian. Anataranya kerana mengharapkan syafaat (S) di akhirat iaitu 7 orang peserta kajian “*Untuk mendapat syafaat al-Quran*” (PK1, PK4, PK7, PK10, PK11, PK14 dan PK15), kerana berminat (M) menghafaz al-Quran iaitu 4 orang peserta kajian “*memang berminat nak menghafal walaupun lambat dalam hafalan*” (PK1, PK2, PK4 dan PK11), merupakan cita-cita (C) iaitu 11 orang peserta kajian “*kerana bercita cita*

menjadi hafiz al quran” (PK1, PK2, PK3, PK4, PK6, PK8, PK10, PK13, PK15, PK16 dan PK17), menghafaz al-Quran kerana terpaksa (T) iaitu 4 orang peserta kajian “disuruh ibu bapa, terpaksa” (PK6, PK9, PK12 dan PK16), menjadi aspirasi (A) ibu ayah iaitu 12 orang peserta kajian “kerana ingin ibu ayah bangga dengan saya” (PK2, PK3, PK5, PK8, PK9, PK11, PK12, PK13, PK14, PK15, PK17 dan PK18) dan sebagai ibadah (I) yang paling utama iaitu 6 orang peserta kajian “untuk mendapat keredhaan Allah” (PK5, PK7, PK10, PK13, PK16 dan PK18). Majoriti peserta kajian menghafaz adalah kerana menjadi aspirasi ibu ayah. Namun begitu terdapat juga yang menghafaz kerana terpaksa dan bukan kerelaan sendiri.

Selain itu, terdapat 5 faktor yang menjadi cabaran utama peserta kajian memperdengarkan bacaan hafazan al-Quran atas talian. 5 elemen tersebut iaitu sikap (S) peserta kajian “tidak konsisten menghantar tasmik pada bilangan yang sama setiap hari” (PK1, PK4, PK7, PK8, PK9, PK12, PK13, PK14, PK16, PK17 dan PK18), halatuju (H) “Tidak fokus dalam meletakkan target” (PK2, PK5, PK6, PK10, PK17 dan PK18), teknik (T) “teknik yang digunakan tidak berkesan” (PK1, PK9, PK10, PK12, PK13, PK14, PK16 dan PK17), amalan kerohanian (K) “tidak jaga pandangan mata dan kurang amalan sunat” (PK1, PK4 dan PK5) dan masalah (M) lain “masalah keluarga” (PK3, PK4, PK5, PK7, PK8, PK9, PK12, PK13, PK15, PK16 dan PK17). Antara sikap yang paling dominan iaitu malas, tidak bersungguh, tidak berdisiplin, terikut kawan, mudah lalai, leka dengan permainan *game*, banyak bermain dan kurang semangat. Sementara elemen halatuju pula iaitu tidak meletakkan fokus utama, tiada matlamat jelas dan tidak meletakkan target. Selain itu, kesalahan teknik dan cara menghafaz juga mempengaruhi proses tasmik atas talian. Terdapat juga masalah tidak mengamalkan amalan kerohanian dengan baik seperti solat, jaga pandangan dan pergaulan. Bahkan masalah lain seperti sakit, penempatan asrama dan persekitaran yang tidak membantu. Justeru, 5 elemen ini menjadi cabaran peserta kajian untuk memperdengarkan bacaan al-Quran kerana mereka berada di rumah dan asrama semasa tasmik.

Justeru setelah kajian dijalankan kepada pelajar ini terdapat beberapa cadangan dari peserta kajian demi penambahbaikan pada masa akan datang. Antara cadangan iaitu penempatan pelajar di asrama hendaklah melibatkan pelajar tahfiz sahaja, meletakkan jadual yang tetap secara harian, guru memberi bimbingan berterusan dan memberi galakan serta intensif yang baik jika mereka mampu mencapai muqarrar berdasarkan setiap semester. Semua pihak turut berperanan dalam membantu pelajar tahfiz kerana untuk melahirkan seorang huffaz memerlukan bantuan semua pihak bermula dari guru, pelajar, ibu bapa, prasarana yang baik, suasana yang membantu, pihak berkepentingan dan halatuju UPNM dalam mendepani tahfiz yang berdaya saing dalam dunia akademik.

6. Penutup

Menghafaz al-Quran dan memperdengarkan hafazan baru kepada guru merupakan sesuatu yang sangat mencabar terutamanya atas talian. Hal ini kerana guru tidak dapat memastikan pelajar sama ada benar-benar menjaga hafazan dengan baik atau sebaliknya. Kerana guru tidak Bersama pelajar secara bersemuka. Namun jika pelajar mempunyai minat dan cita-cita mengatasi cabaran semasa sudah tentu mereka mampu menghafaz dan memperdengarkan bacaan kepada guru dengan baik. Walaupun suasana atas talian dan bersemuka jika keinginan, teknik dan matlamat jelas pasti akan mendatangkan kemahuan, kesungguhan dalam menghafaz ayat Allah untuk masuk ke dalam hati yang bersih. Semoga kajian ini mampu memberi pencerahan dan penyelesaian terbaik tasmik atas talian.

7. Penghargaan

Terima kasih kepada semua pelajar IDTT2022 atas sumbangan kajian yang diberikan.

8. Rujukan

- [1] Abd Rahman Abd Ghani. (2016). Pembangunan Sistem Guruan Guru Tahfiz di Malaysia Ke Arah Melahirkan Tenaga Kerja Terlatih. Dlm. Zulkifli Mohd Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt). *Memperkasakan Generasi Penghafaz al- Quran*. Darul Quran JAKIM: Selangor
- [2] Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda Hassan. (2020). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. - E-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21. 110-116
- [3] Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman. (2009). Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba, Tangkak, Johor.
- [4] Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah dan Nursafazilah Binti Maksom. (2016). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta’alim, Kg Tengah Kluang. Dlm. Zulkifli Mohd

Yakub bin Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad (pnyt.). *Memperkas Generasi Penghafazal-Quran*. Darul Quran JAKIM: Selangor.

- [5] .Anisa Ida Khusniyah. (2014). Menghafal al-Quran dengan metode *muraja'ah*. Studi kasus di rumah *tahfiz* al-Ikhlah Karangrejo Tulungagung. Skripsi Jurusan Pendidikan Agama Islam (PAI) Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Tulungagung.
- [6] Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali, (2013). *Latar Belakang Guru Tahfiz dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education. Vol. 1 (1): 28-39.
- [7] Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh. (2014). Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran And Tarbiyyah*. Vol 1(1) : 9-16
- [8] Khairil Anuar Mohamad. (2016). Sistem Kawalan Kualiti Huffaz. *Memperkas Generasi Penghafaz Al-Quran*. Terbitan Darul Quran JAKIM.
- [9] Mahmud Lutfi Bin Abd. Hadi. Ahmad Shahir Bin Masdan. (2015). Penekanan terhadap ayat-ayat *mutasyābihāt al-alfāz* ke arah pemantapan mutu hafazan al- Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015
- [10] Musliza Musa dan Mokmin Basri. (2014). Perbandingan Kaedah Hafazan Al-Quran Tradisional Dan Modern: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Sciences Research*. 9-10 June, Kota Kinabalu, Sabah.
- [11] Nor Hidayati Mokhtar. (2020). Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa Covid-19, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan UTM. Atas talian 1 Nov 2020. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- [12] Roslinda Rosli. (2020). Pembelajaran Norma Baharu Tingkat Profesion Guru Berita Harian Online Ogos 11, 2020 @ 11:00am. Atas talian 29 Oktober. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/08/719958/pembelajaran-norma-baharu-ingkat-profesion-guru>
- [13] Yanti Jastari. (2017). Kaedah Tasmik. Jurusan Tarbiyah Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Gajah Putih Takengon Aceh Tengah, Aceh. Atas Talian 28 Okt 2020. <https://rezarahmatillah.blogspot.com/2017/12/kaedah-tasmik.html>.
- [14] Zetty Raihan Mohd Yassin. (2020). Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran Dan Pengajaran Era COVID-19. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa COVID-19. Atas talian 30 Oktober 2020. <https://news.utm.my/ms/2020/05/menangani-cabaran-norma-baharu-pembelajaran-dan-pengajaran-era-Covid-19/>